




# Bingkisan MENARA CONDONG



BIL.2/2022

EDISI JULAI - DISEMBER 2022

## SAMBUTAN HARI *Inovasi* PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN 2022





# SIDANG REDAKSI

## PENAUNG

En. Mohd Hizaz Bin Mohd Ibrahim, AMP.  
Yang Dipertua

## PENASIHAT

Pn. Ramdhatun Ajma Binti Jemal  
Setiausaha

## EDITOR

En. Megat Amerudin Bin Megat Danian, PPT.  
Ketua Bahagian Komuniti Dan Perhubungan Awam(PRO)

## PEREKA GRAFIK

Pn. Norazrin Binti Saian

## JURUGAMBAR

En. Mohamad Khairul Anuar Bin Mohamad Nor

## AHLI JAWATANKUASA

- En. Mohd Rizal Bin Hamid
- En. Mohd Azmir Bin Ariffin
- Pn. Nurul Hasni Binti Haji Muhamad
- Pn. Azlina Binti Md Demyadi
- En. Ahmad Fazree Bin Ahmad Fuzi
- En. Mohd Ashraf Bin Hamidi
- Pn. Zanariyah Binti Ismail
- Pn. Siti Asmah Binti Jahir
- En. Mustafa Bin Mohd Saaduddin

Buletin ini diterbitkan oleh  
**BAHAGIAN KOMUNITI DAN PERHUBUNGAN AWAM (PRO),  
MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN**  
Jalan Speedy , 36000 Teluk Intan

05-622 1299

05- 621 5504

05-621 2446

<http://www.mpti.gov.my>

**Aduan Awam :**  
<http://mpti.spab.gov.my>

[admin@mpti.gov.my](mailto:admin@mpti.gov.my)

[mptelukintan](https://www.facebook.com/mptelukintan)

[twitter.com/MPT118](https://twitter.com/MPT118)

[majlis\\_perbandarantelukintan](https://www.instagram.com/majlis_perbandarantelukintan)



03



05



06

# KAYUHAN SANTAI MALAM MINGGU SEMPENA ULANG TAHUN MPTI KE-18

**SABTU, 02 JULAI 2022** : Program Kayuhan Santai Malam Minggu MPTI telah diadakan di perkarangan Jalan Speedy Teluk Intan. Seramai 200 orang peserta yang telah menyertai kayuhan ini. Program dimulakan dengan taklimat keselamatan oleh wakil cawangan Trafik IPD Hilir Perak ASP Mohd Faissol. Kayuhan akan bermula dan tamat di Jalan Speedy hadapan Pejabat MPTI dengan jarak kayuhan sepanjang 7.5 KM.

Pelepasan kayuhan telah disempurnakan oleh Yang Dipertua MPTI Tn. Ismail Ibrahim. Turut hadir Ketua-Ketua Jabatan Daerah, Ahli-Ahli Majlis MPTI dan Pengarah jabatan MPTI.

Dalam program tersebut turut diadakan pertandingan Basikal Paling Unik (jenis basikal), hiasan lampu yang menarik dan Pelbagai hadiah cabutan bertuah kepada peserta yang bertuah pada malam tersebut.





# KAYUHAN SANTAI MALAM MINGGU SEMPENA ULANG TAHUN MPTI KE-18



# SAMBUTAN HARI Inovasi

PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN  
2022

**RABU, 19 OKTOBER 2022** : Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada kumpulan Inovasi E-Force MPTI yang telah merangkul anugerah sempena Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Perak Tahun 2022.

Kumpulan Inovasi E-Force MPTI telah dinobatkan sebagai Johan dalam Bidang Penyampaian Perkhidmatan Kategori Penambahbaikan dan Anugerah Inovasi Hibrid Terbaik.

Majlis Perbandaran Teluk Intan telah menyertai pertandingan inovasi dengan membawa Projek Inovasi bertajuk Kelestarian Pengurusan Tapak Pelupusan yang diketuai oleh Setiausaha MPTI Pn. Ramdhatus Ajma Jemail. Anugerah ini telah disampaikan oleh YAB Dato' Seri Saarani Mohamad, Menteri Besar Perak kepada Tuan Mohd Hizaz Mohd Ibrahim, Yang Dipertua MPTI.





Majlis Jamuan Teh dan Penyampaian Hadiah  
Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negeri Perak Darul Ridzuan Tahun 2022

# Pertandingan KECERIAAN

SEMPENA SAMBUTAN BULAN  
**KEBANGSAAN**  
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK  
DARUL RIDZUAN TAHUN 2022



**RABU, 31 OGOS 2022** : Majlis Perbandaran Teluk Intan telah berjaya merangkul gelaran Naib Johan dalam pertandingan Keceriaan Hari Kebangsaan Negeri Perak Kategori Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Penyampaian anugerah tersebut telah disempurnakan oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah kepada Setiausaha MPTI Pn. Ramdhatun Ajma Jemil.

Turut hadir, En. Noor Hafiz Arifin Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan.

Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada semua anggota Majlis Perbandaran Teluk Intan yang terlibat bersama-sama berganding bahu gotong-royong dalam proses pengindahan bangunan Majlis Perbandaran Teluk Intan.





**29 JULAI 2022, JUMAAT:** MPTI telah mengadakan Majlis Sanjungan Budi Lambaian Kasih (Jasamu Dikenang) sempena Persaraan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Teluk Intan Tuan Ismail bin Ibrahim (bersara wajib).

Turut hadir YB Dato' Zainol Fadzi Hj Paharudin (Exco Kerajaan Negeri Perak), YB Terence Naidu (Adun Pasir Bedamar), Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Daerah, Ahli-Ahli Majlis MPTI, Pengarah-Pengarah Jabatan MPTI, Ketua Jabatan MPTI, Ketua Unit MPTI dan Warga Kerja MPTI.





**ISNIN, 3 OKTOBER 2022** : Tn. Mohd Hizaz Mohd Ibrahim telah melapor diri sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Teluk Intan yang baharu.

Ketibaan Tuan Yang Dipertua telah disambut baik oleh Pengarah Jabatan, Ketua Bahagian, Ketua Unit MPTI dan kawalan tabik hormat oleh anggota Penguatkuasa MPTI yang diketuai oleh En. Mohd Firdaus.

Tuan Yang Dipertua sempat meninjau ke semua jabatan MPTI bagi sesi suai kenal dengan semua kakitangan di jabatan/bahagian/unit masing-masing. Majlis Perbandaran Teluk Intan merakamkan ucapan tahniah atas pelantikan sebagai Tuan Yang Dipertua MPTI.



# MAJLIS AKUAN PENERIMAAN JAWATAN SEBAGAI AHLI MAJLIS TUAN YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN



**SELASA, 11 OKTOBER 2022** : MPTI telah mengadakan Majlis Akuan Penerimaan Jawatan Sebagai Ahli Majlis, Tuan Yang Dipertua MPTI Tuan Mohd Hizaz Mohd Ibrahim yang telah berlangsung di Dewan Mesyuarat Utama Majlis Perbandaran Teluk Intan.

Turut hadir Dato' Zainol Fadzi Hj Paharudin Exco Kerajaan Negeri Perak, YB Terence Naidu (Adun Pasir Bedamar), Pegawai Daerah Hilir Perak Tn. Saidi Hj Shaari, Setiausaha Majlis Perbandaran Teluk Intan Pn. Ramdhatun Ajma Jemail, Ahli-Ahli Majlis Perbandaran Teluk Intan, Pengarah Jabatan MPTI, Ketua Bahagian dan Ketua Unit MPTI.





**JUMAAT, 01 JULAI 2022** : Kempen Premis Makanan Bersih PBT Peringkat Majlis Perbandaran Teluk Intan Tahun 2022 telah diadakan di Gerai Mini Stadium Teluk Intan, Jalan Speedy.

Program dimulakan dengan ucapan aluan serta taklimat ringkas oleh Pegawai Kesihatan Daerah Hilir Perak Dr. Mohd Fadhlil kepada pemilik gerai-gerai di Mini Stadium. Program tersebut telah dirasmikan dan disempurnakan oleh Yang Dipertua MPTI Tn. Ismail Ibrahim. Pada majlis itu juga turut diadakan penyampaian sijil Gerai Terbersih dan pemberian penggeredan premis kepada Gerai-Gerai di Mini Stadium Padang Speedy.



Turut hadir Setiausaha MPTI Pn. Ramdhatun Ajma Jemail, Ahli-Ahli Majlis Perbandaran Teluk Intan, Pengarah Jabatan, Ketua Bahagian dan Ketua Unit MPTI.



# SESI TAKLIMAT DAN PEMBERIAN KHEMAH KEPADA PENIAGA-PENIAGA SEMPENA PROGRAM TRANSFORMASI PASAR MALAM BAGAN DATUK

**RABU, 12 OKTOBER 2022** : Pasar malam Bagan Datuk adalah salah satu pasar malam yang telah dipilih oleh kerajaan persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk program transformasi pasar malam. MPTI telah mengadakan satu sesi taklimat dan pemberian khemah kepada peniaga-peniaga sempena Program Transformasi Pasar Malam Bagan Datuk di Dewan Dato' Lope Hashim Bagan Datuk.



Turut hadir Setiausaha Majlis Perbandaran Teluk Intan Pn. Ramdhatus Ajma Jemail, En. Ahmad Faiz Sakri, Penolong Pegawai Daerah Bagan Datuk, Tn. Hj Mat Subril, Ahli Majlis Perbandaran Teluk Intan serta Pengarah Jabatan MPTI.

Program dimulakan dengan taklimat Transformasi Pasar Malam Bagan Datuk oleh En. Husaini Hadi, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan, sesi soal jawab serta pandangan daripada

kalangan para peniaga Pasar Malam Bagan Datuk dan penyerahan khemah yang disempurnakan oleh Puan Setiausaha MPTI. Seramai 80 orang peniaga pasar malam yang telah menerima khemah, apron dan topi sumbangan daripada pihak Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan dengan bertemakan konsep "Keluarga Malaysia".

Untuk makluman sebanyak 3 PBT di Malaysia termasuk Majlis Perbandaran Teluk Intan yang berjaya menerima bantuan khemah daripada pihak KPKT sempena Program Transformasi Pasar Malam.





**KHAMIS, 21 JULAI 2022** : MPTI mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada MDBG atas kesudian menjadikan MPTI sebagai penanda aras berkaitan Inspektorat Khas Keselamatan dan Perlindungan MPTI. Lawatan ini telah diketuai oleh Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, En. Noor Hafiz Mohd Arifin. Lawatan ini dihadiri seramai 10 orang anggota pelbagai jabatan dari Majlis Daerah Batu Gajah.

Semoga perkongsian idea ini akan memperkasakan lagi sistem tadbir urus MPTI dan MDBG serta mengeratkan lagi hubungan di antara kedua-dua pihak.

## **INSPEKTORAT SUSULAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN TAHUN 2022**



**SELASA, 26 JULAI 2022** : MPTI telah mengadakan Inspektorat Susulan Keselamatan Perlindungan oleh Jabatan Keselamatan Negeri Perak.

Turut hadir Yang Dipertua MPTI, Tn. Ismail Ibrahim, Setiausaha MPTI, Pn. Ramdhatun Ajma Jemail, Ketua Whip MPTI Tn. Hj Ahmad Hilmi Yunus, Pengarah-Pengarah Jabatan MPTI, Ketua Bahagian dan Ketua Unit MPTI.



CERAMAH PERDANA  
MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN

# INDAHNYA REZEKI YANG BERKAT

"Barang siapa yang tidak mensyukuri yang sedikit,  
maka ia tidak akan mampu mensyukuri sesuatu yang banyak."  
- HR. Ahmad

*Ustaz*  
*Harryanto Rizal*  
PENCERAMAH UNDANGAN

**JUMAAT, 9 OKTOBER 2022** : Ceramah Perdana peringkat Majlis Perbandaran Teluk Intan telah diadakan di dewan Bandaran Teluk Intan oleh tetamu jemputan yang dijemput khas iaitu Ustaz Harryanto Rizal.

Hadir sama Yang  
Dipertua MPTI  
Tn. Mohd Hizaz  
Mohd Ibrahim,  
Setiausaha  
MPTI Pn.  
Ramdhatun  
Ajma Jemail,  
Pengarah  
Jabatan, Ketua  
Bahagian, Ketua  
Unit dan seluruh  
warga Kerja  
Majlis  
Perbandaran  
Teluk Intan.



# MESYUARAT PENGURUSAN BENCANA

## PERINGKAT NEGERI PERAK BIL.3/2022 DAN PENYERAHAN WRIT PILIHAN RAYA KEPADA 24 PEGAWAI PENGURUS PILIHAN RAYA

**JUMAAT, 21 OKTOBER 2022** : Telah diadakan Mesyuarat Pengurusan Bencana Peringkat Negeri Perak yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim di Majlis Perbandaran Teluk Intan yang dihadiri oleh pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD).

Turut hadir YB Pegawai Kewangan Negeri Tn. Mohd Zaki Mahyudin, YDH Ketua Polis Perak CP Dato' Mohd Yusri Hassan Basri, Yang Dipertua MPTI Tn. Mohd Hizaz Mohd Ibrahim, Pegawai

Daerah Hilir Perak Tn. Saidi Hj Shaari, Pegawai Pertahanan Awam Daerah Hilir Perak Kapten (PA) Mohd Fazly Mohd Zawawi.

Dalam masa yang sama turut diadakan penyerahan Writ Pilihan Raya kepada 24 Pegawai Pengurus Pilihan Raya yang disampaikan oleh Pengarah Pilihan Raya Negeri Mohd Nazri Ismail sambil disaksikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

Writ tersebut telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sebagai surat kuasa kepada Pegawai Pengurus untuk menjalankan Pilihan Raya dikawasan masing-masing. Sehubungan dengan itu, satu notis pilihan raya akan diwartakan dan ditampal di tempat-tempat awam untuk semakan orang ramai.



# SESI TAKLIMAT DAN DEMONSTRASI PRODUK INOVASI PYROLYSIS PILOT MACHINERY DI TAPAK PELUPUSAN SAMPAH MPTI



**1 - 4 OGOS 2022 :**  
Satu sesi Taklimat dan Demonstrasi Produk Inovasi Pyrolysis Pilot Machinery di Tapak Pelupusan Sampah MPTI, Batu 7, Jalan Changkat Jong, Teluk Intan telah dibuat oleh Kumpulan Inovasi E-Force MPTI dan Syarikat Alam Avani Sdn Bhd.

Sebanyak 18 Agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan telah menghadiri sesi taklimat tersebut sebagai program

benchmarking untuk perkongsian idea dan pengalaman dalam pengurusan tapak pelupusan. Sebuah prototaip inovasi berkonsepkan Waste To Energy (WTE) yang dinamakan PYROLYSIS telah dibangunkan oleh Syarikat Alam Avani Sdn Bhd di mana produk inovasi tersebut berjaya memproses sisa pepejal dan menukarnya kepada bahan/sumber asli seperti minyak mentah, gas asli dan arang.

Turut hadir Setiausaha MPTI, Pn. Ramdhatus Ajma Jemil, Pengarah Jabatan MPTI dan Ketua Bahagian / Unit MPTI.



# TAKLIMAT DAN LATIHAN KECEMASAN KEBAKARAN MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN

**ISNIN, 19 DISEMBER 2022**

MPTI telah mengadakan taklimat dan latihan kecemasan kebakaran bangunan pejabat MPTI bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Teluk Intan.

Taklimat kebakaran telah disampaikan oleh PPgB Mohd Ismail Mohd Yunus Ketua Balai Jabatan Bomba dan Penyelamat Teluk Intan.

Tujuan taklimat ini diadakan adalah untuk memberi penerangan kepada warga kerja MPTI tentang teknik – teknik mengurangkan risiko kematian dan kecedaran sekiranya berlaku kebakaran serta menjadikan yang lebih selamat. Selain itu diterangkan juga cara penggunaan alat pemadam api yang betul dan talian kecemasan yang boleh dihubungi sekiranya berlaku kebakaran.





**PROGRAM PEMAUNTAUAN AUDIT TEKNIKAL (PPAT)  
KESIHATAN PERSEKITARAN  
04 OGOS 2022**



**PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK)  
HORIZON BAHARU PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2022  
21 – 22 SEPTEMBER 2022**



**LAWATAN EKSA DARI AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA  
KE MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN  
29 SEPTEMBER 2022**

# OPERASI PEMERIKSAAN PEMATUHAN SYARAT LESEN / SYARAT PENGENDALI DAN KEBERSIHAN PREMIS OLEH UNIT PELESENAN DAN BAHAGIAN PENGUATKUASA MPTI

**KHAMIS, 8 DISEMBER 2022**

Operasi Pemeriksaan Pematuhan Syarat Lesen / Syarat Pengendali Dan Kebersihan Premis oleh Unit Pelesenan dan Bahagian Penguatkuasa MPTI telah dijalankan di Medan Selera Bumbung Biru Menara Condong Teluk Intan.

Sebanyak 12 Premis telah di periksa dan 5 Notis Tawaran kompaun telah dikeluarkan semasa operasi tersebut.



Operasi tersebut telah diketua oleh Inspektor Kesihatan Makanan Majlis Perbandaran Teluk Intan.

Majlis Perbandaran Teluk Intan menyeru kepada semua peniaga supaya dapat menjaga tahap kebersihan premis masing-masing. Gerai-gerai/Kedai-kedai di tepi jalan mampu menjana ekonomi penduduk setempat selain dari menjual makanan yang murah dan menepati selera ramai. Namun, aspek keselamatan makanan dan kebersihan diri pengendali makanan dan juga kebersihan gerai adalah penting untuk diberi perhatian oleh pengguna dan pemilik gerai.

Pemilik gerai sebaiknya mengutamakan kebersihan diri dan sentiasa memastikan makanan tidak terdedah kepada risiko jangkitan kuman. Pengguna juga dinasihatkan untuk meletakkan kebersihan sebagai kriteria utama sebelum membeli di mana-mana premis makanan. Peranan PBT MPTI akan memantau setiap premis yang menjual makanan adalah dalam keadaan bersih dan mengikuti keperluan, syarat, dan undang-undang yang ditetapkan.



# **SOLIDARITI UNTUK RAKYAT PALESTIN**

**SABTU, 29 OKTOBER 2022**

Program Solidariti untuk rakyat Palestin ini telah diselenggarakan oleh pihak Kementerian Luar Negeri yang mengalakkan pemilik-pemilik bangunan berprofil tinggi seperti KLCC, Menara Kuala Lumpur dan lain-lain menara di negara ini dihias dengan pencahayaan bertemakan warna bendera Palestine.

Bandar Teluk Intan tidak ketinggalan untuk menzahirkan solidariti kepada negara Palestine yang diadakan secara serentak di seluruh negara malam tadi dengan memasang lampu bertemakan bendera Palestine di bangunan Menara Condong Teluk Intan.



## **PERLAWANAN AKHIR FIFA WORLD CUP QATAR 2022 DI DATARAN MENARA CONDONG**

**DIANJURKAN OLEH:**

**PERSATUAN KEBUDAYAAN DAERAH HILIR PERAK DENGAN KERJASAMA MPTI**





# APLIKASI PINTAR LETAK KERETA NEGERI PERAK

## APLIKASI PARK@PERAK

### 4 LANGKAH MUDAH

1. Muat turun aplikasi park@perak  
APP STORE, PLAY STORE atau  
HUAWEI APPGALLERY
2. Daftar pengguna (sign up)
3. Daftar masuk (log in)
4. Pilih & bayar (click & pay)



KINI BAYAR CUKAI TAKSIRAN, KOMPAUN, SEWAAN  
DAN BIL PELBAGAI LEBIH MUDAH DI **PBT Pay**

[pbtpay@kpkt.gov.my](mailto:pbtpay@kpkt.gov.my) | <http://pbtpay.kpkt.gov.my>

[jkt.kpkt.gov.my](http://jkt.kpkt.gov.my) [f](https://www.facebook.com/jabatankeraantempatan) [jabatankeraantempatan](https://www.facebook.com/jabatankeraantempatan) [@jtkpkpt](https://twitter.com/jtkpkpt)



**World Of Wonders**  
awaits for you



Download Now  
by scan the QR code above



MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN  
Jalan Speedy, 36000 Teluk Intan

05-622 1299

05- 621 5504

05-621 2446

YDP@mpti.gov.my

<http://www.mpti.gov.my>

<http://mpti.spab.gov.my>



Makmur dan Harmoni

[f](https://www.facebook.com/mptelukintan) [mptelukintan](https://www.facebook.com/mptelukintan)

[twitter.com/MPT118](https://twitter.com/MPT118)

[majlis\\_perbandarantelukintan](https://www.instagram.com/majlis_perbandarantelukintan)